

26 AUG 2001

Mahathir-Umno

ADA YANG PERALATKAN UMNO UNTUK KEPENTINGAN LAIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau memberi peluang kepada semua orang termasuk musuh politiknya menyertai perjuangan Umno tanpa dapat "membaca hati" sesetengah daripada mereka yang mahu memeralatkan parti untuk kepentingan lain.

Perdana Menteri berkata beliau menerima semula ke pangkuan Umno banyak orang yang pernah bermusuh dengannya dan di kalangan mereka ada yang benar-benar ikhlas untuk meneruskan perjuangan parti.

"Tetapi, di antara mereka tentulah ada orang yang tidak ikhlas yang saya tidak tahu, apa dalam hati dia saya tak boleh baca.

"Dengan itu saya terima dengan harapan apabila berada dalam Umno, dia akan menunjukkan kesetiaannya kepada Umno dan akan melangsungkan perjuangan parti. Rupa-rupanya ada juga orang yang hendak memeralatkan Umno untuk kepentingan dirinya, untuk kepentingan kumpulannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Internet Tamil 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno diminta mengulas kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Senator Datuk Zainuddin Maidin semalam bahawa kesilapan terbesar Perdana Menteri ialah membawa masuk anasir revolusioner ke dalam Umno yang tidak menjiwai semangat jati diri parti itu.

Zainuddin dilaporkan sebagai berkata oleh sebab itu, Perdana Menteri terpaksa membayar kesilapan politik ini dengan "harga yang paling mahal".

Dr Mahathir berkata sebagai manusia biasa, beliau tidak boleh lari daripada membuat kesilapan yang hanya diketahuinya kemudian.

"Daripada satu sudut saya salahlah. Saya cuma nak bagi peluang kepada semua termasuk musuh-musuh Umno supaya mereka dapat menyertai Umno, meneruskan perjuangan Umno dan dapat membangunkan negara kita ini," katanya.

Ketika ditanya sama ada "peluang" seumpama itu akan ditarik balik, Dr Mahathir berkata: "Mana nak tahu kalau ada orang yang nak masuk Umno, kita nak kata (orang) ini 15 tahun lagi, dia akan menjadi pembelot. Kita tak tahu.

"Kadang-kadang ada orang yang tinggalkan Umno, masuk parti lain, lepas itu rujuk balik (ke Umno) dan mereka kata mereka akan setia. Kita tak boleh baca hati orang. Kita cuma manusia biasa. Kalau kita tak ada percubaan, kita tak tahulah," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya tentang perasaan tidak puas hati sesetengah anggota Umno yang dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin parti kerana melanggar kod tataetika Umno sewaktu pemilihan bahagian April lepas.

Menurutnya, mereka berhak menyoal keputusan yang diambil oleh lembaga itu dan ia hendaklah disalurkan melalui satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Umno untuk mendengar sebarang rayuan yang dikemukakan.

"Semua orang kata dia tak bersalah. Kalau lembaga rayuan berpendapat kes ini mempunyai fakta-fakta tertentu, kita akan sahkan.

"Tetapi, kalau ada was-was atau mungkin bukti tak mencukupi dan sebagainya, kita kena ambil kiralah. Kita kena bagi keadilan kepada semua pihak," katanya.

Mengenai kegiatan Kumpulan Militan Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan memang merasakan perlu untuk mengeluarkan satu kertas putih bagi menjelaskan kepada rakyat tentang kedudukan sebenar perkara itu.

"Kita berasa perlu (mengeluarkan kertas putih) tetapi kita menghadapi

masalah seperti yang telah saya katakan. Kes ini akan dibawa ke mahkamah. Kalau kita bagi butir-butir terperinci mengenai kes ini, ia mungkin dianggap sebagai cubaan untuk mempengaruhi mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar bahawa rakyat sekarang keliru mengenai isu berkenaan, lebih-lebih lagi dakwaan pembangkang kononnya ia adalah sandiwara kerajaan.

"Kalau orang kena bunuh atau apapun, dia kata ini sandiwara. Bagi dia bunuh orang ini adalah satu sandiwara. Cukup ringan mulut dia, sikit-sikit sandiwara," katanya.

Dr Mahathir berkata ini menunjukkan pembangkang sudah bankrap idea untuk menjelaskan mengenai sesuatu perkara berbangkit.

"Ia menunjukkan betapa bodohnya mereka ini. Mereka tidak langsung dapat berhujah selain daripada menyebut sandiwara," katanya.

-- BERNAMA  
MAM KHY MAI